

Keistimewaan Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl: Analisis Kaedah Lagu dan Teknik Suara

The Privilege of Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl: An Analysis of the Rules of Song and Sound Techniques

Mahyudin Daud

Program Pendidikan Islam,

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

muhyi@um.edu.my

Wan Hilmi Wan Abdullah

Jabatan al-Quran & al-Sunnah,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

hjmey@ukm.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.1>

Abstract

This article explains the method of taranum Sheikh Mustafa Ismail as a result of a comprehensive study of his reading recordings recorded by various parties obtained by researchers. According to sources, the total number of his recordings in the form of taranum and murattal readings is 52,624 hours but what is available today is only 300 hours while the rest was found to have been lost. This abandoned turath treasure has a huge impact on Taranum knowledge where lovers of knowledge make it a reference and guide especially in the rules of song and sound techniques. This study is a library study where data from primary and secondary sources were collected for analysis. The results of the study found that Sheikh Mustafa Ismail has made a great contribution in the knowledge, especially in the rules of song and sound techniques. His melodious melodies and compositions succeeded in conveying the voice of the Qur'an to all corners of the world and bringing people closer to the Qur'an. His method of recitation is also widely followed by most Quranicqaris around the world.

Keywords: *Sheikh Mustafa Ismail, taranum method, song rules and sound techniques*

Abstrak

Artikel ini menjelaskan kaedah taranum Syeikh Mustafa Ismail hasil daripada kajian secara menyeluruh terhadap rakaman bacaan beliau yang direkodkan oleh pelbagai pihak yang diperolehi oleh pengkaji. Menurut sumber, keseluruhan rakaman beliau dalam bentuk bacaan bertaranum dan murattal adalah sebanyak 52,624 jam namun yang ada pada hari ini hanya 300 jam sahaja manakala bakinya didapati telah hilang. Khazanah turath yang ditinggalkan ini memberikan impak yang sangat besar terhadap ilmu Taranum di mana pencinta ilmu tersebut menjadikannya sebagai rujukan dan panduan terutama dalam kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Kajian ini adalah kajian kepustakaan di mana data-data dari sumber primer dan sekunder dikumpulkan untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati Sheikh Mustafa Ismail telah memberikan sumbangan yang besar dalam ilmu tersebut khususnya dalam kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara yang tersendiri. Alunan dan gubahan beliau yang merdu dan mengasyikkan berjaya menyampaikan suara al-Quran ke seluruh pelusuk dunia dan mendekatkan manusia kepada al-Quran. Kaedah bacaan beliau juga banyak diikuti oleh kebanyakan qari-qari al-Quran seluruh dunia.

Keywords: Sheikh Mustafa Ismail, kaedah taranum, kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara

Pendahuluan

Dunia taranum al-Quran abad ke 20 menyaksikan lahirnya beberapa tokoh besar yang terkenal dan berpengaruh sehingga menjadi ikutan kepada qari-qari seluruh dunia seperti Sheikh ‘Alī Maḥmūd, Sheikh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, Sheikh Maḥmūd ‘Alī al-Bannā, Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl, Sheikh Maḥmūd Siddīq al-Manshawī, Sheikh ‘Abd al-Bāsiṭ ‘Abd al-Ṣamad dan lain-lain. Setiap satunya mempunyai keistimewaan dan identiti yang tersendiri dalam pembacaan al-Quran sekaligus dianggap sebagai pengamal kepada kaedah taranum yang khusus.

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl adalah seorang tokoh yang sangat terkenal dalam dunia taranum al-Quran. Nama beliau bukan sahaja dikenali di Timur Tengah bahkan terkenal di seluruh pelusuk dunia Islam. Penguasaan beliau terhadap kaedah taranum dari sudut lagu dan teknik suara boleh dianggap sebagai paling sempurna berbanding tokoh-tokoh qari yang lain.

Bertitik tolak dari kenyataan tersebut, artikel ini akan menyingkap biodata Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl dan mengupas

kaedah taranum beliau yang istimewa yang bukan sahaja diperakui oleh para ulama, para qurra', penggemar ilmu Taranum, umat Islam secara umum bahkan turut diakui oleh ahli muzik di Timur Tengah dan orang bukan Islam.

Biodata Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl

Nama dan keluarga

Nama lengkap beliau ialah Muṣṭafā Muhammad al-Mursī Ibrāhīm Ismā‘īl. Beliau dilahirkan pada 17 Jun 1905 di desa Mayyit Ghazal, Markaz al-Sanṭah, Muḥafazah Gharbiyyah, Ṭanṭā kira-kira 100 kilometer dari Kaherah, Mesir. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl merupakan anak sulung daripada lapan orang adik-beradik. Tiga daripada mereka adalah lelaki iaitu beliau, ‘Abd al-Salām dan ‘Abd al-‘Azīz manakala selebihnya adalah perempuan iaitu Zakiyyah, Āminah, Fātimah, Ailah dan Sāriyah.¹

Bapanya ialah Muḥammad al-Mursī Ismā‘īl merupakan seorang petani, dan ibunya bernama Sittah Ḥusnayn Ismā‘īl, manakala datuk sebelah bapanya ialah al-Mursī Ibrāhīm Ismā‘īl, dan datuk sebelah ibunya dipanggil al-Sayyid Ismā‘īl. Neneknya diberi nama Asmah al-Sayyid Ismā‘īl.²

Isteri beliau bernama Sayyidah Fatimah ‘Amr dan hasil perkahwinan tersebut beliau dikurniakan tiga orang anak lelaki iaitu anak sulung ‘Ātif yang menetap di Jerman semenjak 1953 dan bekerja sebagai ahli perniagaan, Maḥmūd Samīr yang bekerja sebagai pegawai di syarikat penerbangan Miṣr li Ṭayrān dan Aḥmad Wahīd yang menjawat jawatan pengurus Bahagian Perkhidmatan dan Kawalan di Stesen Televisyen Mesir. Dua anak perempuan beliau pula ialah Anja Samiyah dan Majidah.³

Pengajian Al-Quran

Ketika Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl berusia 5 tahun, bapanya pernah menghantar beliau belajar dan menghafaz al-Quran di sebuah Kuttāb milik Sheikh ‘Abd al-Rahmān al-Najjār, namun beliau banyak bermain-main dan lari dari Kuttāb tersebut.⁴

¹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl ḥayātuhū fī ḥil al-Qur’ān*, 53.

² Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl ḥayātuhū fī ḥil al-Qur’ān*, 53.

³ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl ḥayātuhū fī ḥil al-Qur’ān*, (Kaherah: Dār al-Hilāl, 1412H/1992M), 53.

⁴ Maḥmūd al-Khawlī, *Aṣwāt min Nūr*, (Misr: Dār al-Shabāb, 1992), 87.

Pada usia 6 tahun, bapa beliau menghantar beliau ke Kuttāb Sheikh ‘Abd al-Rahmān Abū al-‘Aynayn di kampung . Di Kuttāb tersebut, beliau sempat belajar kaedah membaca, menulis dan menghafal satu per empat juzuk al-Quran. Beliau kemudian menyambung pengajian di Kuttāb Sheikh ‘Abd Allāh Shahatah yang terletak berhampiran dengan rumahnya dan berjaya menamatkan keseluruhan hafalan al-Quran, menulis tulisan al-Quran dengan tangan sendiri serta bacaan al-Quran secara bertajwid. Penulisan al-Quran beliau sangat menyakinkan.⁵

Melihat kepada bakat dan kemahiran yang ada pada Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl, maka bapanya telah menghantar beliau untuk bertalaqi dengan dua orang Syeikh yang sangat terkenal dan dihormati tidak jauh dari kampung beliau iaitu Sheikh Muḥammad Abū Ḥashish dan Sheikh Idrīs Fakhīr. Beliau telah berjaya menyempurnakan hafalan beliau bersama Sheikh Muḥammad Abū Ḥashish ketika usianya menjangkau 10 tahun dan menyemak serta mengemaskini bacaannya dengan Sheikh Idrīs Fakhīr.

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl juga telah mempelajari ilmu Tajwid dan ilmu Qira’at bersama Sheikh Idrīs Fakhīr ketika berumur 16 tahun sebelum meneruskan pengajiannya di Ma‘had Dīniyyah, Tanṭā. Beliau telah berjaya menamatkan ulangan hafalan bersama Sheikh Idrīs Fakhīr sebanyak 30 kali khatam.⁶ Beliau mencatat dalam diari beliau bahawa:

“Sheikh Idrīs Fakhīr adalah orang yang bertanggungjawab menjadi penyemak kepada bacaan aku di Kuttāb. Aku pernah mentasmik bacaanku dengan beliau sebanyak dua juzuk dua juzuk. Justeru, beliaulah orang yang memberi petunjuk kepada pentashihan bacaan. Tidak cukup hanya dengan itu saja, beliau selalu bersama-sama menemaniku ketika aku dalam perjalanan ke ladang, dan di ladang itu dia terus menerus mendengarkan bacaanku. Ketika bacaan aku terdapat kesalahan, dia menyuruh aku mengulangi dari awalnya semula, dia berkata kepadaku: Wahai budak...mulakan semula dari awal.”⁷

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl juga sempat berguru dengan Syeikh Muṣṭafā al-Mirwāj. Beliau sering memberikan galakan dan

⁵ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Hayātuhū fi Zil al-Qur’ān*, 59

⁶ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Hayātuhū fi Zil al-Qur’ān*, 67.

⁷ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Hayātuhū fi Zil al-Qur’ān*, 67.

sokongan kepada Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl supaya hadirkan diri kepada orang ramai dalam majlis-majlis ihtifal al-Quran dan program-program agama bagi mempersembahkan bacaan al-Quran.⁸

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl juga belajar secara tidak langsung dengan qari-qari seangkatan seperti Sheikh Abū al-‘Aynayn semasa bersama-sama dalam majlis yang diundang oleh Raja Mesir, King Fu’ād.⁹ Beliau juga sering bersama dengan qari-qari terkenal yang lain seperti Sheikh Ṭaha al-Fashnī, Sheikh ‘Alī Siffi, Sheikh Muḥammad Rif‘at, Sheikh ‘Abd al-Bāṣīt ‘Abd al-Ṣamad, Sheikh Khalīl al-Ḥuṣarī dan lain-lain dalam majlis-majlis undangan yang lain.

Cabaran dan Pengiktirafan

Sebelum mendapat pengiktirafan di peringkat negara Mesir dan antarabangsa, beliau diuji dengan pelbagai fitnah dan tohmahan yang sangat mencabar. Lebih mengecewakan apabila fitnah tersebut datang daripada kumpulan qari-qari sendiri. Antara fitnah dan tohmahan yang dilemparkan kepada beliau antaranya sengaja mempermain-mainkan ayat-ayat suci al-Quran dalam bacaan, menyalahi kaedah tilawah *syar‘iyah*, mementingkan lagu dan irama dalam bacaan, melanggar kaedah hukum *waqf* dan *ibtidā’* dan sebagainya¹⁰.

Tuduhan-tuduhan tersebut adalah berpunca daripada perasaan iri hati dan hasad dengki dengan kebolehan dan kemahiran yang dimiliki beliau dalam mempersembahkan bacaan al-Quran di hadapan para hadirin dengan baik dan sempurna tanpa sebarang kecacatan. Sifat buruk yang terzahir dalam kalangan mereka itu berterusan sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir. Namun begitu, beliau tetap diundang oleh peminat-peminat al-Quran untuk memperdengarkan bacaan al-Quran di Mesir dan luar Negara.

Beliau kemudiannya mendapat pelbagai pengiktirafan sama ada di Mesir mahupun di peringkat antarabangsa. Antaranya pada tahun 1965, Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl telah dianugerahkan dengan

⁸ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur‘ān*, 67-68.

⁹ Khairul Anuar Mohamad, *Sheikh Mustafa Ismail, Qari Diraja Mesir*, (Utusan Malaysia: Arkib, 1 Jun 2012).

¹⁰ Nabil Ḥanafī, *Nujūm al-‘Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, (Kaherah: Dār al-Akhbār al-Yawm, 2011), 162.

pingat kebesaran oleh Presiden Mesir, Jamal ‘Abd al-Naṣīr dalam satu upacara besar kerajaan pada hari Perhimpunan Hari Ilmu Pengetahuan di mana beliau qari yang pertama menerima anugerah tersebut.¹¹ Antaranya juga, anugerah Pingat Kebesaran Syria, Pingat Kebesaran Lubnan dan Pingat Kebesaran Turki dari Presiden Turki yang disempurnakan di Istana Republik dalam lawatannya pada tahun 1973 iaitu sebagai simbolik dalam upacara *muṣḥaf sharīf* yang ditulis dengan dakwat emas.¹² Beliau digelar dengan pelbagai gelaran seperti ‘*Imām al-Qurrā'*, *Amīr al-Qurrā'*, ‘*al-Qārī al-Malikī*, *al-Qārī al-Awwal*¹³ dan lain-lain.

Rehlah Quraniyyah

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl telah mengunjungi banyak negara untuk memenuhi undangan dan mempersembahkan bacaan beliau di hadapan pembesar-pembesar kerajaan serta khalayak ramai. Tiada tujuan yang lain daripada rehlah beliau ke serata dunia kecuali berkhidmat kepada kalam Allah SWT serta menyampaikan dakwah al-Quran kepada masyarakat dunia. Beliau pernah bermusafir ke Perancis, Amerika, Jerman, Kanada, Kuala Lumpur, Karachi, Negara-negara Asia, Negara-negara Arab Syria, Lubnan, Palestin, Pakistan, Turki, Malaysia, Indonesia dan juga Negara-negara Afrika bagi tujuan memperdengarkan ayat-ayat suci bacaan al-Quran.¹⁴

Sumbangan Dalam Bidang Al-Quran

Sepanjang penglibatan Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl dalam bidang pembacaan al-Quran, beliau banyak mencurahkan tenaga dan masa untuk pembangunan pembacaan al-Quran di seluruh pelusuk dunia. Rutin harian beliau adalah membaca al-Quran di masjid-masjid dan majlis-majlis haflah al-Quran yang diadakan di seluruh Mesir. Pada tahun 1945, beliau dilantik secara rasmi sebagai qari di Masjid al-Azhar untuk bacaan al-Quran pada setiap hari Jumaat

¹¹ Ahmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-'Aṣr al-Hadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 2011), 63.

¹² Shukrī al-Qādī, 'Abāqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al- 'Ishrīn, 79.

¹³ Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 68.

¹⁴ Ahmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-'Aṣr al-Hadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 63. Nabil Ḥanafī, *Nujūm al-'Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 166.

sebelum khatib membaca khutbah dan beliau berkhidmat di situ selama lebih 30 tahun iaitu sehingga beliau meninggal dunia. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl juga telah dilantik sebagai qari di Istana Diraja dan beliau telah bermukim di sana sebagai tetamu diraja semenjak dari bulan Ramadan, Julai 1947 sehingga tahun 1952.¹⁵

Di kemuncak kemasyhuran, Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl telah memeterai perjanjian dengan siaran televisyen Mesir sebagai qari pertama yang merakamkan bacaan al-Quran secara *murattal*¹⁶. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl memeterai perjanjian dengan siaran Televisyen itu adalah pada tahun 1944 sementara ada catatan bahawa tahun pemeteraian perjanjian dengan televisyen Mesir adalah pada tahun 1948.¹⁷

Beliau meninggalkan khazanah *turāth* bacaan al-Quran yang sangat besar dan tidak ternilai iaitu *Muṣḥaf Mujawwad li al-Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl* 30 juzuk, *Muṣḥaf Murattal li al-Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl* 30 juzuk, rakaman audio studio (*al-Tasjīlāt al-Dakhiliyyah*) dan rakaman audio luar (*al-Tasjīlāt al-Khārijīyyah*) dengan pelbagai surah dan ayat dalam bentuk cakera padat ataupun kaset.¹⁸ Peninggalan khazanah tersebut menjadi rujukan dan panduan kepada penggiat dan pengamal bacaan al-Quran sama ada secara bertarannum mahupun secara *tartīl* dalam segenap aspek kaedah lagu dan teknik suara.

Personaliti

Personaliti Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl bukan sahaja terserlah dalam pembacaan al-Quran sahaja bahkan beliau adalah seorang yang alim dalam ilmu Tajwid dan qiraat. Rakan-rakan karib beliau mengenali beliau sebagai seorang yang zuhud dan mementingkan keperibadian yang mulia. Tutur bicara beliau tersusun atur dan lemah lembut. Bagaimanapun, beliau terkenal dengan perwatakan yang tegas dan amanah lebih-lebih lagi dalam perkara yang berkaitan dengan al-Quran.

¹⁵ Nabil Hanafi, *Nujūm al-‘Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 161.

¹⁶ Ahmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-‘Aṣr al-Hadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 61.

¹⁷ Nabil Hanafi, *Nujūm al-‘Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 161.

¹⁸ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fi Ẓil al-Qur'ān*, 174-175.

Meninggal Dunia

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl meninggal dunia pada 23 Disember 1978 sekembalinya beliau dari majlis perasmian pembukaan Masjid Jāmi‘ al-Bahr, Dumyāt yang berlangsung pada hari sebelumnya iaitu 22 disember 1978 setelah mengalami sejenis penyakit pendarahan beku di dalam kepala dan beliau disahkan koma selama satu hari.

Keistimewaan Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl

Keistimewaan Bacaan Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl adalah tokoh besar dunia Islam dalam aspek seni bacaan al-Quran secara bertaranum. Bacaan beliau sangat memberi kesan yang mendalam kepada pendengar lebih-lebih lagi penggiat seni taranum al-Quran kerana kemahiran luar biasa yang dimilikinya terutama dalam kaedah lagu dan teknik suara.

Sorotan terhadap catatan-catatan yang dirujuk serta kepakaran pengkaji dalam hal ini dapatlah disimpulkan bahawa keistimewaan bacaan beliau adalah seperti berikut:

1. Mengutamakan Usul al-Tilawah dalam pembacaan taranumnya iaitu beliau sangat mengutamakan hukum Tajwid, Fasahah dan Lahjah Arabiah dan Luhun al-Arab sebagaimana disyariatkan dalam pembacaan al-Quran. Sorotan pengkaji mendapati beliau sangat berilitizam dengan Usul al-Tilawah sama ada bacaan di majlis rasmi, bacaan di masjid sebelum solat Jumaat, bacaan di majlis kematian, bacaan rakaman di studio dan bacaan di majlis keramaian. Inilah kunci utama yang menjadikan bacaan beliau yang boleh disifatkan sebagai bacaan yang sempurna (حسن الأداء).
2. Lagu yang persembahkan disesuaikan dengan makna ayat di mana bacaan beliau mampu menggambarkan kegembiraan, kesedihan, permohonan, penceritaan, dialog dan sebagaimana terkandung dalam ayat-ayat yang dibaca. Dialog Nabi Musa As dengan dua anak perempuan Nabi Shuib dipersembahkan dengan baik seolah-olah menghikayatkan peristiwa tersebut.
3. Memasukkan bacaan qiraat yang mutawatirah di samping bacaan asas beliau dengan qiraat riwayat Imam Hafs daripada Imam Asim. Selalunya qiraat dua periwayat daripada Imam Nafi’ iaitu Imam Warash dan Imam Qalun menjadi pilihan.

Selalu juga riwayat Imam Hamzah daripada salah satu periwayatnya dan riwayat Imam al-Kisa'i daripada salah satu periwayatnya kelihatan dimasukkan ke dalam bacaan beliau. Berikutan itu, bacaan beliau lebih menarik, mempesona dan memberi satu budaya yang baharu dalam pembacaan al-Quran bertaranum.

4. Menghimpun qiraat (جمع القراءات) dalam satu ayat yang terpilih di mana beliau mempraktikkan kaedah himpun qiraat dalam satu ayat sebagaimana diamalkan oleh pengamal ilmu qiraat. Menariknya, beliau menyesuaikan bacaan himpun qiraat dalam satu ayat tersebut dengan lagu yang sempurna dan menarik. Kombinasi tersebut dilihat menambahkan keindahan bacaan beliau dan sekali lagi memperkenalkan satu budaya yang baharu kepada bacaan al-Quran bertaranum. Secara jujur, bentuk bacaan sebegini tidak dilakukan oleh qari-qari al-Quran secara bertaranum yang lain.
5. Menggabungkan surah-surah yang panjang dengan surah-surah yang pendek. Banyak rakaman bacaan beliau mengadunkan bacaan dari surah-surah yang panjang seperti surah al-Baqarah dengan surah-surah pendek seperti surah al-Shams, al-Dhuha, al-Sharh, al-Tin dan lain-lain. Bentuk bacaan sebegini bukanlah sesuatu yang janggal kerana turut dipraktikkan oleh qari-qari yang lain khususnya qari-qari Mesir. Bagaimanapun, penggabungan tersebut apabila dialunkan dengan kemahiran kaedah lagu dan teknik suara yang dimiliki beliau menjadikan bacaan lebih menyerlah berbanding qari-qari yang lain.
6. Mempraktikkan kaedah-kaedah bacaan yang disebut dalam ilmu tajwid seperti kaedah perpindahan dari satu surah ke surah yang lain dengan bacaan takbir (الله أكبير) atau tahlil dan takbir (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ هُوَ الْأَكْبَرُ) atau perpindahan tanpa basmalah sama ada dengan saktah atau tanpa saktah. Bentuk sebegini sangat jarang dipraktikkan oleh qari-qari yang lain. Ketika beliau membaca ayat 17 dari surah al-Hajj, beliau telah memperlihatkan keluasan antara ilmu tajwid al-Quran dan hubungannya dengan aspek pemindahan *maqām* lagu beserta perubahan pada qiraat yang pelbagai. Beliau telah memperlihatkan keluasan antara ilmu tajwid al-Quran dan

hubungannya dengan aspek pemindahan maqam lagu beserta perubahan qiraat yang pelbagai.¹⁹

7. Mempersembahan bacaan taranum yang tersusun di mana beliau memindahkan lagu-lagu dengan tertib dan tersusun rapi²⁰ atau dengan perkataan yang lain tidak bercampur aduk. Beliau mengalunkan sesuatu lagu dalam beberapa harakat ayat dengan menggunakan semua tabaqat suara dengan sempurna sebelum berpindah ke lagu yang lain. Kebanyakan qari suka mencampuradukkan lagu-lagu atau mengulangi lagu yang sama sepanjang bacaan.
8. Berkemahiran tinggi dalam kaedah lagu dengan pelbagai variasi pada satu tabaqat suara. Selalu juga beliau mengulangi sesuatu harakat ayat dengan mempelbagaikan variasi lagu yang sama pada tabaqat yang sama. Bentuk ini benar-benar memperlihatkan keluasan dan penguasaan ilmu taranum beliau dan gubahan pelbagai variasi irama dalam bacaan²¹ sehingga mampu memukau pendengar. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl mempraktikkan *maqām-maqām* lagu Arab dengan penuh keyakinan dengan kemukjizatan al-Quran.²² Tidak sukar untuk beliau melakukan gubahan-gubahan pada lagu dan mempelbagaikannya dalam proses perpindahan-pemindahan lagu serta pergerakan-pergerakan maqam lagu.²³
9. Teknik suara yang luar biasa. Kekuatan dan keindahan suara beliau adalah sempurna dalam semua tabaqat suara melainkan pada tabaqat rendah di mana suara beliau dilihat kurang kuat. Akan tetapi beliau masih lagi memiliki lapangan dan saiz suara yang banyak serta mampu untuk memanfaatkan lapangan tersebut mengikut apa yang dikehendakinya.²⁴ Ketika tabaqat suara rendah, beliau bijak menutup kelemahannya dengan menggunakan teknik suara serak basah yang sengaja, suara berangin, suara mengelembung, suara naik mendadak dan lain-lain. Ketika tabaqat suara tinggi pula,

¹⁹ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-‘Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 169.

²⁰ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 45.

²¹ Aḥmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-‘Aṣr al-Hadīth*, *Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 57.

²² Aḥmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-‘Aṣr al-Hadīth*, *Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 59.

²³ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 123.

²⁴ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 16.

beliau dilihat menggunakan teknik suara kepit, lonjak, turun secara mendadak dan lain-lain. Teknik-teknik inilah yang menjadikan bacaan beliau sangat istimewa dan berbeza dengan qari-qari yang lain. Menurut Sheikh ‘Alī al-Tabbā’, suara Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl berkembang, bercabang-cabang, berqarar dan berjawab dan beliau sangat berkeyakinan dalam disiplin Ḥukm al-Qira’at.²⁵

10. Sangat cekap mencari penyelesaian kepada bacaan yang sedang dipersembahkan seperti bacaan lagu al-Bayyati yang terlalu rendah akan dihangatkan dengan rentak al-Nawa atau al-Shuri yang lebih tinggi, bacaan lagu al-Nahawand yang tidak bermaya diaktifkan dengan gerakan al-Ajam yang lebih panas, bacaan lagu al-Hijaz yang agak tinggi diredukan dengan rentak al-Iraqi yang menurun ke tabaqat qarar dan sebagainya.
11. Bacaan dengan kadar nafas yang biasa. Beliau tidak memanjangkan bacaan sesuatu ayat lebih daripada had yang biasa. Hal ini tidak seperti kebanyakan qari yang lain di mana mereka lebih cenderung memanjang-manjangkan bacaan sehingga melebihi had yang biasa sehingga mengabaikan makna ayat dan membawa kepada *al-tamtīt*²⁶ seperti membaca surah al-Sharh dengan satu nafas sahaja
12. Waqf dan Ibtida’ yang sesuai. Jika ilmu Waqf dan Ibtida’ dilihat dari perbincangan yang lebih luas, maka Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl didapati mewakafkan bacaan di tempat yang harus diwakafkan mengikut kaedah Waqf dan memulakan bacaan seterusnya di tempat yang sesuai menurut kaedah Ibtida’. Beliau bukannya semata-mata memilih Waqaf dan Ibtida’ yang mengikut kehendak-kehendak lagu dan seninya melebihi daripada apa yang dituntut oleh hukum-hakam tilawah.²⁷
13. Keberanian dan keyakinan yang tinggi dalam menyempurnakan persembahan. Ini kerana seorang qari perlu kepada sifat pemberani dan yakin dalam persembahan bacaan supaya bacaan dapat disempurnakan dengan baik. Dia tidak

²⁵ Ahmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-'Aṣr al-Hadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 60.

²⁶ Al-Tamtīt ialah memanjangkan sebutan huruf dalam bacaan.

²⁷ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fi Zil al-Qur'ān*, 16.

boleh takut-takut, tidak yakin diri, malu, tewas dengan audien atau tempat persembahan yang boleh mengganggu persembahan. Kedua-dua sifat ini ada pada Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl yang menjadikan persembahan beliau mantap, bertenaga dan mempersonakan. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl memindahkan bacaannya daripada *maqām-maqām* lagu *aṣlī* dan *farī* dengan keberanian yang tinggi serta iltizam dengan *Uṣūl Ilm al-Qirā’ah* dan makna ayat.²⁸

14. Bacaan yang menggembirakan dan melapangkan dada para pendengar.²⁹ Ini dapat dibuktikan dengan perakuan peminat-peminat bacaan beliau sama ada peminat yang hidup di zaman beliau atau peminat yang datang selepas kematiannya. Mendengar bacaan beliau adalah nikmat yang boleh menggembirakan dan melapangkan dada. Para pendengar dapat menikmati kelunukan suara, gaya persembahan, perpindahan maqam lagu, waqaf-waqaf yang menarik sambil mentadabbur makna ayat al-Quran dengan cara yang istimewa.³⁰
15. Mempersembahkan alunan lagu dan gubahan burdah yang tidak dapat dijangka oleh pendengar dalam bacaannya³¹ sehingga menjadikan bacaan beliau ditunggu-tunggu. Inilah antara keistimewaan bacaan beliau yang membezakannya dengan qari-qari yang lain.
16. Persembahan yang bertenaga daripada awal bacaan sampai akhir bacaan. Sepanjang kajian yang dilakukan, tidak ditemui rakaman bacaan beliau yang lemah, longlai, tidak bersemangat dan seumpamanya. Kebanyakan rakaman bacaan beliau adalah lebih daripada 30 minit dan dalam tempoh itu, bacaan beliau tetap konsisten, bertenaga, tidak terjejas.

Bacaan yang disesuaikan dengan had masa yang diberikan. Beliau tahu mengatur bacaan yang sesuai dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Ada kalanya beliau diberi tempoh 5 minit atau 10 minit untuk suatu bacaan pendek dan ada kalanya beliau

²⁸ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 44.

²⁹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 135.

³⁰ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 109.

³¹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 123.

diberi masa 30 minit atau kadang-kadang diberi masa seluas-luasnya untuk beliau mempersempahkan bacaan. Ada rakaman bacaan beliau dalam simpanan pengkaji yang mencecah 76 minit. Dalam hal ini, beliau sangat pintar dalam menyesuaikan bacaan beliau dengan tempoh-tempoh masa yang diberi.

17. Bacaan yang diperakui oleh ulama, qurra' bahkan ahli muzik.

Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan penerimaan baik para ulama dan qurra' terhadap bacaan beliau baik secara murattal maupun secara mujawwad sehingga mengiktiraf beliau sebagai salah seorang daripada 5 qari mesir yang agung di mana bacaan mereka sentiasa diputarkan di dalam siaran TV dan radio khasnya siaran al-Quran al-Karim dari Kaherah (اذاعة القرآن الكريم من القاهرة).

Bentuk Bacaan Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl

Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl memulakan bacaan dengan maqam al-Bayyati menggunakan tabaqat suara qarar al-qarar. Kemudian secara berterusan beliau menguji suaranya dan mengangkat suara ke tabaqat qarar dan kemudian beliau mengangkat suaranya lagi ke tabaqat suara jawab menurut kaedah tangga suara. Bagaimanapun beliau dengan lincah turun semula ke tabaqat qarār.

Kemudian beliau mengangkat kembali suaranya kali kedua daripada satu tabaqat kepada tabaqat kedua dan ketiga sehingga kepada tabaqat keempat dan menuruni semula ke tabaqat qarār untuk menamatkan maqam al-Bayyati.³² Maqam al-Bayyati tersebut pula tidak sekadar al-Bayyati al-Asli bahkan divariasikan dengan furuk-furuk maqam tersebut seperti al-Nawa, al-Shuri dan selalunya al-Husayni.

Selalunya, beliau akan memindahkan bacaan kepada maqam Rast atau Nahawand menurut kesesuaian dengan menggunakan maqam-maqam asli dan furuk dengan penuh keberanian yang tinggi serta iltizam dengan Uṣūl al-Qirā'ah dan makna ayat. Setelah itu beliau memilih mana-mana maqam yang bersesuaian dengan ayat yang dibaca dalam tempoh masa yang diperuntukkan.

Setelah berjaya mempersempahkan bacaan dengan gubahan lagu dan burdah yang berinovasi dan penuh variasi, beliau menamatkan bacaan dengan kembali ke maqam al-Bayyati tabaqat qarar al-qarar. Ada juga ketika-ketika yang tertentu, beliau

³² Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 43.

menamatkan bacaan dengan maqam terakhir yang dibawanya seperti Rast bahkan kadang-kadang dengan tabaqat suara yang tinggi sama ada sengaja atau atas sebab yang tertentu. Tindakan demikian membuatkan audien terkejut dan tidak puas dengan bacaan beliau bahkan sentiasa menunggu-nunggu bacaan beliau yang berikutnya.

Kaedah Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl

Berbicara mengenai kaedah taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl akan meliputi dua perkara besar iaitu kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Kedua-dua perkara tersebut pada asasnya adalah satu iaitu kaedah taranum akan tetapi analisis dilakukan berorientasikan sistem tilawah al-Quran di Malaysia yang memisahkan di antara bidang lagu dan bidang suara. Pakar-pakar taranum di Malaysia melihat bahawa suara adalah asas kepada pembacaan al-Quran bertaranum dan bahawa lagu-lagu yang dialunkan dibina di atas asas suara tersebut. Oleh itu, suara dianggap sebagai satu bidang yang khusus dan mempunyai skop-skop perbincangannya yang tersendiri sementara lagu pula adalah satu bidang yang lain dan mempunyai skop perbincangannya yang tersendiri.

Kaedah-kaedah Lagu

Lagu yang dipersembahkan oleh Sheikh Muṣṭafā adalah berasaskan saliqah Arab yang semulajadi dan dicampur dengan saliqah yang dianugerahkan oleh Allah Swt kepada beliau sama ada pada usul dan furuk. Jadi, ketika ditanya dari mana asal lagu-lagu yang dipersembahkan oleh Sheikh Muṣṭafā maka jawabnya lagu-lagu tersebut berasal daripada saliqah Arab yang semulajadi yang diwarisi oleh umat Islam daripada generasi pertama sehingga ke generasi umat Islam hari ini. Pewarisan tersebut berlaku dengan cara pemindahan suara-suara al-Quran dari guru-guru kepada murid-murid secara talaqqi dan musyafahah. Suara-suara bacaan al-Quran tersebut kemudiannya dikumpulkan oleh qari-qari Mesir dan mereka menyusunnya mengikut kesesuaian dan meraikan makna ayat. Sheikh Muṣṭafā antara qari yang menggunakan warisan suara-suara tersebut dan mengadunkan suara-suara itu dengan kebolehan semulajadi yang dianugerahkan oleh Allah Swt kepadanya.

Ini bermakna Sheikh Muṣṭafā menggabungkan dua saliqah iaitu saliqah Arab yang semulajadi sebagai usul bacaan dengan saliqah suara beliau yang dianugerahkan. Ini juga bermakna bacaan Sheikh Muṣṭafā bukanlah suatu bidaah yang direka-reka atau dengan kata lain bukanlah lagu yang dibuat-buat semata-mata (الصناعي المحسن) kerana mengubah alunan lagu dalam pembacaan al-Quran supaya menjadi lebih merdu, menarik dan mempersonakan pendengar termasuk dalam daerah al-tahbir (الت Hibir) sebagaimana disebut oleh Saidina Abu Musa al-Ash'ari Ra dalam hadis³³.

Penelitian pengkaji terhadap bacaan Sheikh Muṣṭafā mendapati, beliau mengaplikasi satu kaedah lagu yang tersendiri dan berbeza daripada qari-qari yang lain. Kaedah-kaedah lagu tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Iltizam menggunakan lagu-lagu usul yang diwarisi daripada saliqah umat Islam yang pertama iaitu al-Bayyati, al-Rast, al-Hujaz, al-Sikah, al-Soba, al-Jiharkah, al-Nahawand, al-Ajam dan lain-lain sebagai asas bacaan.
2. Menginovasi lagu-lagu usul dengan kebolehan suara semulajadi yang dianugerah oleh Allah Swt. Sebagai contoh lagu hijaz yang dialunkan oleh para qari pada asasnya adalah sama akan tetapi akan sedikit berbeza mengikut gubahan dan kemampuan suara masing-masing. Kebolehan Sheikh Muṣṭafā mengubah dan mengolah lagu tersebut sangat berinovasi.
3. Mempelbaikan variasi alunan sesuatu lagu pada ayat yang dibaca dan tidak mengulang irama lagu yang sama pada ayat tersebut. Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl tidak mengulang-ulang lagu yang sama dalam setiap jumlah ayat dan juga di

³³ Nabi Saw bersabda kepada Saidina Abu Musa al-Ash'ari Ra:

لو رأيتني وأنا أستمع لقراءتك البارحة لقد أوتيت مزمارا من مزامير آل داود

Maksudnya: Sekiranya kamu melihat aku, sedang aku mendengar bacaan kamu kelmarin, sesungguhnya kamu dikurniakan satu seruling daripada seruling-seruling keluarga Daud As.

Lihat Muslim, *Sahih Muslim*, h. 546.

Di dalam suatu riwayat bahawa Abu Musa menjawab kepada Nabi Saw:

أما والله لو علمت أنك تسمع فراعتي لحرتها لك تحبيرا

Maksudnya: Demi Allah, sekiranya aku mengetahui bahawa tuan mendengar bacaanku nescaya akan aku perindahkan bagi tuan dengan lebih elok.

Riwayat Baqi' bin Mukhlad. Lihat Ibn Kathir, *Fada'il al-Quran*, h. 35.

- penghujungnya bahkan beliau sentiasa memperdengarkan gubahan-gubahan lagu yang berinovasi.³⁴
4. Menginovasi burdah-burdah halus kepada sesuatu lagu. Bacaan beliau mempunyai bunga-bunga lagu yang halus yang disusun dan dipupuk rapi.³⁵ Ini bermakna, inovasi Sheikh Muṣṭafā bukan sahaja kepada lagu usul yang dibawa bahkan kepada burdah-burdah lagu yang halus pada lagu-lagu tersebut. Beliau tidak akan membiarkan sesuatu lagu berlalu begitu saja tanpa gubahan-gubahan dan kepelbagaian bentuk alunan.³⁶
 5. Menyempurnakan setiap lagu dengan tertib dan tersusun rapi di mana setiap lagu yang dibawa akan dipastikan benar-benar sempurna dari sudut harakat dan tabaqat suara.
 6. Memindahkan maqam-maqam lagu dengan pelbagai teknik dan seni³⁷ dengan mudah. Perpindahan tersebut juga boleh dikesan dengan jelas oleh pendengar sekira-kira irama lagu berubah daripada irama yang sebelumnya sehingga pendengar yang tidak mengerti bidang taranum pun boleh mengesan perubahan irama tersebut dengan mudah.
 7. Iltizam dengan pembacaan lagu yang bersambung-sambung dan saling berhubungan di antara satu harakat dengan harakat sebelum dan selepas dari mula bacaan sehingga akhir. Persambungan lagu-lagu tersebut menjadikan persembahan beliau dilihat lancar, licin dan tidak sulit.
 8. Tidak mengulang-ulang alunan lagu yang sama dalam setiap harakat ayat yang dibaca dan juga di penghujungnya. Kaedah inilah antara karakter Sheikh Muṣṭafā yang membezakannya dengan qari-qari yang lain di mana beliau sentiasa menggubah alunan lagu pada potongan-potongan lagu usul dan penghujungnya sehingga tidak berulang³⁸.
 9. Mencampurkan lagu-lagu (الوصلة) menurut kesesuaian dari sudut lagu itu sendiri, nada suara atau keperluan-keperluan

³⁴ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 133.

³⁵ Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 82.

³⁶ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 123.

³⁷ Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 82.

³⁸ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 123.

tertentu dalam bacaan seperti mengaktifkan bacaan atau meredakan tekanan tinggi pada bacaan.

Teknik-teknik Suara

Sheikh Muṣṭafā sangat handal dalam pengawalan dan pengolahan suara. Suara beliau meliputi semua ṭabaqah suara dan jenis-jenisnya³⁹ iaitu qarar al-qarar, al-qarar, al-jawab dan jawab al-jawab malah beliau mampu naik ke suara lebih tinggi yang dinamakan Sulayfiyyah di dalam lagu Rast. Sheikh ‘Abd al-‘Azīz Ḥarbī menukilkan bahawa Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl mengangkat suaranya ke tahap *jawāb al-jawāb* dengan begitu mudah dan berkemampuan dan dapat meleraikan segala kesulitan dan kerumitan yang ada pada lagu-lagu.⁴⁰

Di antara teknik-teknik suara yang dipraktikkan oleh Sheikh Muṣṭafā dalam pembacaan ada seperti berikut:

1. Teknik kawalan suara yang berkesan di mana beliau sangat mahir dalam mengawal suara sesuai dengan semua tabaqat suara supaya sentiasa licin, bertenaga, tidak sumbang, tidak pecah, tidak parau yang mencacatkan bacaan. Beliau mampu menjadikan suaranya berangin, serak basah, gelembung, terbuka dan sebagainya ketika rendah dan mampu mengangkat suara tinggi dengan biasa atau kepit suara, lonjak, tinggi rendah secara mendadak dan sebagainya.
2. Teknik sentiasa mengubah kedudukan suara pada setiap huruf yang dibaca kecuali dengan tujuan gubahan atau burdah yang tertentu. Hal tersebut sudah mampu membuatkan bacaan beliau menjadi indah dan mempersonakan.
3. Teknik memutarkan suara dengan sempurna. Teknik tersebut sangat sulit dan tidak mampu dilakukan oleh kebanyakan qari yang lain. Kebiasaannya, putaran suara banyak dilakukan pada lagu Rast dan Sikah.
4. Cekap mencari penyelesaian sekiranya beliau tidak sihat atau tidak bertenaga. Antara lain, beliau sedar bahawa suara

³⁹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 151.

⁴⁰ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur’ān*, 71.

- qarar al-qararnya agak lemah. Biasanya suara qarar al-qararnya akan tenggelam kerana kelemahan tersebut. Oleh itu, ketika suara di tabaqat qarar al-qarar beliau menggunakan teknik suara serak basah, suara berangin, suara buka, suara gelembung dan sebagainya untuk menutup kelemahan suara rendahnya. Ketika suara di tabaqat jawab al-jawab pula, beliau mengambil jalan turun secara mendadak untuk menggambarkan ketinggian suara jawab al-jawabnya. Teknik-teknik menyelesaikan masalah suara yang dipraktik oleh beliau ini adalah hasil daripada tunjuk ajar guru, rakan-rakan dan yang paling besar pengalaman beliau sendiri dalam pembacaan al-Quran.
5. Teknik menetapkan kedudukan tali suara sesuai dengan maqam dan ṭabaqah suara⁴¹ sepanjang bacaan sekira-kira menjadikan suara bacaan beliau sentiasa bersambung dan tidak beralih ke tangga suara yang lain.

Kesimpulan

Melalui kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl merupakan seorang tokoh qari Mesir yang agung dan berpengaruh dalam dunia taranum al-Quran. Penglibatan beliau dalam dunia taranum al-Quran semenjak usia 15 tahun sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1978 boleh disifatkan sebagai mencapai tahap penguasaan yang sempurna dan kematangan yang tinggi. Pencapaian tersebut sekaligus memberikan sumbangan yang besar kepada ilmu Taranum di mana bentuk bacaan beliau dijadikan satu modul kepada kaedah taranum al-Quran yang meliputi kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Alunan yang merdu dan gubahan yang mengasyikkan mampu memukau pendengar sehingga modul bacaannya ditaklid oleh kebanyakan qari-qari al-Quran seluruh dunia. Rakaman bacaan beliau yang sebanyak 52 624 jam merupakan peninggalan yang amat berharga sebagai satu modul yang menjadi panduan dan rujukan dalam usaha mengembang dan membudaya ilmu Taranum dalam pembacaan al-Quran di seluruh dunia.

Bibliografi

⁴¹ Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 82.

- Aḥmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara'a al-Qur'an fi al-'Aṣr al-Hadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 2011).
- 'Amr Muṣṭafa Nājī, *Uslūb Adā' al-Ibtihālāt fī Miṣr wa Imkaniyyah al-Iṣtidah minha fī Adā' al-Ghinā' al-'Arabī*, (Kaherah: al-Ma'had al-'Ālī li al-Musīqī al-'Arabiyyah, 2005).
- Fārūq Fahmī, *al-Qāhirah: Sufarā' al-Qurrā'*, (Mesir: Syarikat al-Ilānat al-Sharqiyah, 1994).
- Imam Ibn Kathir, Ismail bin Umar (m. 774h), *Fada'il al-Quran*, Mesir: Abd Shakur Fada.
- Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (m. 261h), *al-Jami' al-Sahih*, Tahqiq Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, Kaherah: al-Halabi.
- Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuḥū fī Zil al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-Hilāl, 1412H/1992M).
- Khairul Anuar Mohamad, *Sheikh Mustafa Ismail, Qari Diraja Mesir*, (Utusan Malaysia: Arkib, 1 Jun 2012).
- Mahmūd al-Khawlī, *Aṣwāt min Nūr*, (Misr: Dar al-Syabab, 1992).
- Nabīl Hanafī, *Nujūm al-'Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, (Kaherah: Dār al-Akhbār al-Yawm, 2011).
- Shukrī al-Qāḍī, *'Abāqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-'Ishrīn*, (Kaherah: Dār al-Jumhuriyyah, 1997).
- Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010).
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia, (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, 2014).

<http://www.pcbukm.blogspot.com>